

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jenis-jenis vaksin yang diguna pakai di negara ini bagi mewujudkan lebih banyak imuniti berkelompok sebagai langkah menyekat penularan wabak COVID-19 dan kos pembelian setiap jenis vaksin yang ditanggung oleh Kerajaan setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terdapat lima (5) jenis vaksin di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang telah disenaraikan dalam portfolio PICK. Sehingga 4 Oktober 2021, empat (4) jenis vaksin yang telah digunapakai iaitu vaksin Pfizer & BioNTech, AstraZeneca, Sinovac dan Cansino. Satu lagi vaksin iaitu Sputnik V keluaran Gamaleya ketika ini masih di dalam proses penilaian oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara sebelum diluluskan pendaftarannya oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD).

2. Sebanyak 87.9 juta dos vaksin telah ditempah oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Fasilitas COVAX dan secara rundingan terus dengan beberapa pengeluar vaksin COVID-19 yang melibatkan implikasi kewangan sebanyak **RM4.64 billion yang meliputi kos vaksin dan logistik vaksin.**

3. Memandangkan Kerajaan Malaysia terikat dengan *Non Disclosure Agreement* (NDA) iaitu syarat kerahsiaan yang ditetapkan syarikat pengeluar vaksin, maklumat-maklumat terperinci setiap perjanjian tidak boleh didedahkan termasuklah harga vaksin. Walau bagaimanapun, kos perolehan bagi setiap jenis vaksin telah dijelaskan dalam Prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Mesyuarat Khas Parlimen Keempat Belas yang diadakan pada 2 Ogos 2021 yang lalu.

4. Dalam pada masa yang sama, Kerajaan Malaysia telah menerima sumbangan vaksin COVID-19 sebanyak **2.91 juta dos** daripada negara Jepun (AstraZeneca - 998,400), Amerika Syarikat (Pfizer - 1,000,350), China (SinoVac - 500 ribu) dan United Kingdom (AstraZeneca - 415 ribu).

Sekian, terima kasih.